

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	05.03.2022	SJKP Permudah Miiki Rumah – PM	2
2.	05.03.2022	Tambahan RM15 Bilion Segerakan Projek Tebatan Banjir	2
3.	19.03.2022	Majistret Didenda RM1.05 Juta, Penjara 58 Tahun	3
4.	22.03.2022	Pegawai Bomba Mengaku Tidak Bersalah Terima Rasuah	4
5.	23.03.2022	Rasuah RM650 Juta: 3 Pengarah Syarikat Kejuruteraan Direman	5
6.	23.03.2022	Bekas Presiden JCorp Didakwa Tipu Pelaburan RM9.46 Juta	6
7.	25.03.2022	Kontraktor Disyor Lapor SPRM Rasuah RM4 Juta	7

Dalam Negeri

SJKP permudah miliki rumah - PM

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannewspaper@mediasaturnet.com.my

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri berharap inisiatif melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) yang merupakan sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan akan membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau memahami kesukaran masyarakat terutama mereka yang bekerja sendiri dan tidak memiliki slip gaji untuk memohon pinjaman bagi membeli rumah.

Jelasnya, projek Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) yang berkolaborasi dengan SJKP melalui Skim Pembinaan Perumahan Inovatif PRIMA adalah contoh wajar yang dijadikan penanda aras dalam usaha korporat dan industri menyediakan akses kewangan mudah kepada pembeli rumah.

"Inisiatif yang mesra pembeli ini pastinya dapat membuka lebih banyak peluang kepada lebih ramai Keluarga Malaysia khususnya golongan muda dan berpendapatan pertengahan untuk memiliki rumah PRIMA tanpa bimbang tentang pembayaran perumahan."

"Usaha ini adalah selari dengan pengumuman yang dilakukan semasa Belanjawan 2022 di mana sebanyak RM2 bilion diperuntukkan kepada SJKP untuk melaksanakan amanat ini," katanya ketika berucap semasa melawat projek Residensi Larkin Indah, di sini semalam.



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan surat tawaran rumah PRIMA kepada salah seorang pembeli sambit diperhatikan Hasni Mohammad (dua dari kanan), Neezal Merican Naina Merican (ketiga dari kiri) dan Fatihul Bari Mat Jaihaya ketika melawat projek Residensi PRIMA Larkin Indah di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Hasni Mohammad; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Pengurus PRIMA, Datuk Dr. Fatihul Bari Mat Jaihaya.

Ismail Sabri berkata, skim yang dilaksanakan itu selari

dengan aspirasi Keluarga Melayu serta Kompeni Pemilikan Rumah, *Home Ownership Programme* (HOPE) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Saya difahamkan, sebagai permuulan ia ditawarkan kepada pembeli kediaman Residensi

Larkin Indah ini sebelum diperlakukan ke projek PRIMA yang lain.

"Ini pastinya dapat memberi kesesuaian kepada para pembeli rumah PRIMA pada masa akan datang untuk merancang pembelian rumah mereka dengan lebih yakin," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan terus menyokong usaha PRIMA menjalankan mandat mereka dan membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah sendiri yang membolehkan penghuniannya menikmati kehidupan yang mampu.

Tambah RM15 bilion segerakan projek tebatan banjir

PUTRAJAYA: Kerajaan akan meningkatkan dan menyegerakan projek tebatan banjir apabila perbelanjaan tambahan sebanyak RM15 bilion diluluskan untuk tempoh tahun 2023 sehingga 2030.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu disersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri, mengambil kira fenomena banjir Monsun Timur Laut 2021/2022 yang serius sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Menurut beliau, pada masa ini, kerajaan menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM1 bilion setahun di

bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) berhubung projek tebatan banjir.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat berkenaan turut ber-setuju untuk melaksanakan projek Mass Rapid Transit 3 (MRT 3) serta menambah batu pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sahab Sarawak.

"Keutamaan akan diberikan kepada kontraktor tempatan terutamanya bumiputera bagi menjana peluang perniagaan serta pekerjaan untuk Keluarga Malaysia.

"Ini akan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, khususnya objektif kerajaan untuk terus memperkasaan

sektor perniagaan, serta mencipta 600,000 pekerjaan pada tahun ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan mengambil keputusan meluluskan pelaksanaan projek MRT 3 yang akan melengkapkan awam sedia ada di Lembah Klang.

Katanya, projek ini bakal menyediakan perkhidmatan yang

bersepadu, mampu bayar dan lancar untuk Keluarga Malaysia.

Berhubung LPB, kata Perdana Menteri, Fasa Pertama LPB Sabah sedang giat dilaksanakan dan melibatkan 15 paket di mana kemajuan kerja setakat ini mencapai 52 peratus dan dijangka

siap sepenuhnya menjelang Oktober 2024.

"Bagi menambah baik lingkaran jalan untuk Keluarga Melayu di Sabah, Kerajaan bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan 19 paket kerja tambahan yang akan melibatkan jajaran sepanjang 367 kilometer dengan tempoh pembinaan selama lima tahun."

"Fasa Pertama LPB Sarawak pula akan melibatkan jajaran 786 kilometer dan mencapai 78 peratus kemajuan kerja sejak kali ini. Bagi melengkapkan LPB Sarawak, kerajaan bersetuju untuk melaksanakan projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) dan Projek Lebuhraya

Trans Borneo (LTB)," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi di Semenanjung Sabah dan Sarawak merangkumi pembinaan rel bersepadu dan lebuh raya serta projek tebatan banjir akan memangku pembangunan ekonomi serta menyumbang kepada daya sang negara dan ke sejahteraan rakyat.

Beliau menjelaskan, keputusan melaksanakan projek-projek tersebut mencerminkan keperihatinan kerajaan bagi menyediakan pelbagai peluang bagi Keluarga Malaysia dan mengukuhkan momentum pemuliharaan ekonomi negara.

UTUSAN MALAYSIA | 19 MAC 2022 | MS 10

Majistret didenda RM1.05 juta, penjara 58 tahun

Oleh DIANA SURYA ABD WAHAB
utusannews@mediamulia.com.my

KUANTAN: Seorang penjawat awam yang berjawatan Majistret dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta oleh Mahkamah Sesyen Kuantan, atas enam pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada seorang peniaga, tiga tahun lalu.

Hakim, Datuk Ahmad Zamzami Mohd. Zain membuat keputusan itu selepas mendapat, tertuduh Mohamad Amin Shahul Hamid, 41, bersalah bagi kesemua pertuduhan yang disabitkan.

Dalam pada itu, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap semua pertuduhan bagi mematahkan hujahan dikemukakan pihak pendakwaan.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan Mohamad Amin yang pernah berkhdimat sebagai Majistret di Raub dan Lipis itu, menjalani semua hukuman penjara secara serentak iaitu 12 tahun bermula tarikh sabitan.

Namun, tertuduh turut berdepan hukuman penjara tambahan selama 72 bulan jika gagal



MOHAMAD AMIN Shahul Hamid (tengah) yang dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta setelah didapati bersalah atas pertuduhan meminta dan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuantan, di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

membayar denda yang telah ditetapkan mahkamah.

Tertuduh didakwa meminta suapan berjumlah RM100,000 dan menerima suapan bernilai RM110,000 daripada Hassan Basri yang didakwa memiliki rokok seludup semasa kes itu didengar di hadapan tertuduh.

Suapan itu didakwa seba-

gai dorongan untuk tertuduh hanya mengenakan denda dan tidak menjatuhkan hukuman penjara terhadap Hassan Basri yang didakwa memiliki rokok seludup semasa kes itu didengar di hadapan tertuduh.

Dia bersalah mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a)

Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pada 9 Ogos tahun lalu, mahkamah selepas mendengar keterangan 15 saksi pendakwaan memerintahkan tertuduh membela diri terhadap semua pertuduhan.

Mohamad Amin memilih memberi keterangan secara bersumpah tanpa mengemukakan saksi lain bagi menyokong pembelaannya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya dari SPM, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, manakala tertuduh diwakili peguam, S. Meheraj.

Sementara itu, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin dengan tambahan RM25,000 bagi menangguhkan semua hukuman itu selepas pihak pembelaan mengemukakan permohonan untuk menaikkan keputusan berkenaan ke Mahkamah Rayuan.

Utusan Malaysia | 22 March 2022 | Page 10

Pegawai bomba mengaku tidak bersalah terima rasuah

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Seorang pegawai bomba dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam bagi berdepan lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,962 berkaitan urusan penyelenggaraan kendaraan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Basri Othman, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di depan Hakim, Harmi Thamri Mohamad.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, Mohd. Basri didakwa menerima suapan berupa wang tunai berjumlah RM437 dan RM1,025 dari seorang lelaki, sebagai upah kepada dirinya untuk memberikan perkhidmatan bagi kerja-kerja menyelenggara kendaraan JBPM Perlis kepada sebuah bengkel yang terletak di Kangar, Perlis.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank



MOHD. Basri Othman yang dituduh menerima rasuah berkaitan penyelenggaraan kendaraan JBPM Perlis dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

Cawangan Sungai Petani pada 7 Oktober 2020 dan 10 Oktober 2020.

Bagi pertuduhan ketiga, keempat dan kelima, tertuduh didakwa menerima suapan

daripada individu sama berjumlah RM1,000, RM1,500 dan RM2,000 daripada individu sama yang dimasukkan ke dalam akaun Maybank miliknya.

Kesalahan rasuah itu didakwa dilakukan pada 2 November 2020, 29 Oktober 2020 dan 27 Oktober 2020 di lokasi sama, dengan tujuan yang sama.

Difahamkan tertuduh sememangnya ditugaskan untuk mengurus urusan penyelenggaraan tersebut.

Kesemua pertuduhan itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sew Ping di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPPM manakala tertuduh diwakili peguam, Pyara Singh.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta sama yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut nilai yang mana lebih tinggi bagi setiap pertuduhan dihadapi.

Utusan Malaysia | 23 March 2022 | Page 6

Rasuah RM650 juta: 3 pengarah syarikat kejuruteraan direman

PUTRAJAYA: Tiga individu direman enam hari bermula se-malam bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan projek pembinaan transit aliran massa (MRT) bernilai lebih RM650 juta.

Mereka yang ditahan reman ialah tiga pengarah syarikat kejuruteraan termasuk seorang wanita berusia antara 43 hingga 52 tahun.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Tuan Shah Wira Abdul

Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagaimanapun, dua lagi suspek lelaki berusia 54 dan 63 tahun yang juga bekas pengarah syarikat kejuruteraan tidak direman atas faktor kesihatan.

Namun begitu, kedua-dua mereka akan diperintah hadir ke Pejabat SPM setiap hari bagi

membantu siasatan.

Sumber berkata, dua bekas pengarah syarikat kejuruteraan tersebut termasuk seorang bergelar Datuk dipercayai menerima rasuah kira-kira RM27 juta daripada sebuah syarikat kejuruteraan lain sebagai balasan melantik syarikat terbabit sebagai perunding membabitkan projek berkenaan pada 2017.

Kesemua mereka ditahan di bawah Seksyen 16 ASPRM 2009.

Utusan Malaysia | 23 March 2022 | Page 12

Bekas Presiden JCorp didakwa tipu pelaburan RM9.46 juta



KAMARUZZAMAN (tengah) dibawa untuk didakwa atas pertuduhan menipu di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU — Bekas Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp Corporation Bhd. (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kasim mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menipu Ahli-Ahli Lembaga Pengarah JCorp melibatkan pelaburan berjumlah RM9.46 juta pada 2019.

Tertuduh, Kamaruzzaman, 58, membuat pengakuan itu dan memohon kes dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Wan Mohd. Norisham Wan Yaacob.

Kamaruzzaman didakwa memperdaya Ahli Lembaga Pengarah JCorp untuk melabur sebanyak AS\$1 juta (RM4.21 juta) dalam World Logistic Council Limited dan AS\$1.25 juta (RM5.27

juta) dalam World Logistic Council Americas LLC.

Kesalahan itu dilakukan melaui satu pemberangan untuk meluluskan penggunaan dana sementara JCorp berjumlah AS\$5 juta (RM21.07 juta) untuk membuat pelaburan berkenaan di Bilik Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Tingkat 25, Menara Komtar di sini pada 8 Julai 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian yang memperturunkan hukuman penjara maksimum 10 tahun sebaik sah dan denda.

Mahkamah membenarkan Kamaruzzaman dilakat jamin RM150,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah, melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan dan tidak dibenarkan berkomunikasi dengan saksi pendakwaan.

Peguam K. Ragunath bagaimanapun memohon agar mahkamah membenarkan pasport tertuduh diserahkan sebelum 23 April kerana Kamaruzzaman bakal menunaikan umrah pada 7 April ini dan pulang semula ke tanah air pada 18 April.

Mahkamah membenarkan permohtalan itu dan menetapkannya 25 Mei ini untuk sebuah semula kes dan serahan dokumen serta senarai saksi pendakwaan.

Kamaruzzaman dilantik sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp pada Disember 2010 menggantikan Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim sebelum bersara pada 12 Disember 2019.

Utusan Malaysia | 25 March 2022 | Page 10

Kontraktor disyorkan lapor SPRM rasuah RM4 juta

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Dr. Salmee Said menafikan beliau sengaja memfitnah Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) di Kuala Ketil dekat sini berkaitan rasuah RM4 juta.

Menurut Salmee, beliau hanya meminta penjelasan daripada Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berhubung aduan daripada sebuah syarikat kontraktor yang mendakwa perlu membayar sebanyak RM4 juta melalui konsultan universiti berkenaan bagi mendapatkan tender pembinaan asrama universiti itu.

"Saya cuma mohon penjelasan, saya tidak tuduh kerana saya dapat tahu benda itu berlaku. Jadi saya mahu penjelasan daripada Menteri Besar, bukan tuduh."

"Kontraktor berkenaan yang telefon saya, ini adalah salah satu syarikat yang berurusan dengan konsultan UniSHAMS. Syarikat ini mendakwa konsul-



SALMEE SAID

tan minta RM3 juta untuk mula kerja dan sehingga siap lagi RM1 juta," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Jelasnya, syarikat tersebut bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan itu dan ia dikatakan berlaku kepada syarikat kontraktor lain juga.

"Saya hanya menyampaikan aduan dan meminta penjelasan

kenapa kerajaan negeri tidak memberikan penjelasan serta menyiasat aduan tersebut," katanya.

Mengenai cabaran Menteri Besar berkenaan yang meminta beliau membuat laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kata beliau, pihaknya akan berbincang dengan peguam mengenai langkah yang wajar.

"Aduan itu berdasarkan perbualan saya dengan kontraktor berkenaan dan saya pernah mengesyorkan supaya mereka membuat aduan SPRM, namun kata mereka ada kontraktor yang pernah membuat aduan SPRM sebelum ini.

"Saya akan berbincang dengan peguam parti untuk tindakan lanjut, lihat jika ada syarikat yang mahu menjadi saksi," katanya.

Tambah beliau, cadangan untuk pembinaan asrama UniSHAMS sudah dibincangkan sejak 2018 ketika beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri namun tiada keputusan dibuat sehingga bertukar kerajaan negeri.

Semalam, Muhammad Sanusi ketika sesi penggulungan sidang DUN mencabar manama pihak yang mempunyai bukti berlaku salah laku rasuah membabitkan UniSHAMS segera membuat laporan kepada SPRM.

Terdahulu, pada sidang DUN itu, Salmee tampil mendedahkan dakwaan rasuah RM4 juta berkenaan melibatkan konsultan dilantik UniSHAMS bagi pembinaan asrama universiti.